

LATIHAN PENYELESAIAN MASALAH: TAJUK WANG (TAHUN 4)

ARAHAN: SILA TULIS PILIHAN JAWAPAN ANDA DI DALAM PETAK DI BAWAH

1. Kutipan sumbangan kebajikan sebanyak RM85 475.80 diagihkan kepada tiga buah rumah kebajikan. Rumah anak yatim Fikrah dan Cahaya masing-masing menerima RM25 630 dan RM19 570.50. Selebihnya di terima oleh rumah kebajikan warga emas.

(a) Berapakah jumlah wang diterima oleh rumah kebajikan Fikrah dan Cahaya?

- A. RM45 200.50
- B. RM45 200.00
- C. RM54 200.50
- D. RM54 200.00

(b) Hitung sumbangan yang diterima oleh rumah kebajikan warga emas.

- A. RM40 270.30
- B. RM40 275.30
- C. RM40 270.50
- D. RM40 275.50

2. Bapa Zaidi mempunyai RM34 807.12 dalam akaun banknya. Sebulan kemudian, beliau mengeluarkan RM20 000 untuk mengusahakan kebun durian dan manga. Selepas suatu tempoh, wang hasil tanamannya sebanyak RM13 047.80 disimpan. Kira baki terkini akaunnya.

- A. RM24 854.92
- B. RM25 854.92
- C. RM26 854.92
- D. RM27 854.92

3. Gambar menunjukkan harga sebuah motosikal. Syarikat Pengangkutan Mahsuri Jaya membeli 9 buah motosikal untuk keperluan perniagaannya. Berapakah harga 9 buah motosikal itu?

- A. RM58 562.82
- B. RM58 662.82
- C. RM58 762.82
- D. RM58 862.82



4. 20 tahun lalu, ibu Langkanau membeli rantai emas dengan harga RM2 125. Harga rantai itu sekarang telah meningkat sebanyak 5 kali daripada harga asalnya. Hitung harga rantai itu sekarang.

- A. RM10 335.00
- B. RM10 425.00
- C. RM10 535.00
- D. RM10 625.00

5. Gaji tahunan Puan Kumari berjumlah RM85 675.80. Hitung gaji bulanan Puan Kumari.

- A. RM7 129.65
- B. RM7 139.65
- C. RM7 149.65
- D. RM7 159.65